



MOHAMAD Faisal ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2.



MOHAMAD Faisal pada majlis konvokesyen Federation University di Victoria, Melbourne.

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

“Gembira dan terharu, malah saya tak sangka diberi kepercayaan oleh pihak universiti,” kata penuntut Kolej Islam Antarabangsa (IIC), Gombak Mohamad Faisal Nazreen Mohd Nasir, 26, yang juga graduan jurusan perniagaan dan keusahawanan.

Anak sulung daripada tiga beradik itu menjadi anak tuisya pertama diberi tanggungjawab membawa nar mengiringi cancellor dan rektor pada majlis penutup konvokesyen Federation University di Victoria, Melbourne, Australia, Jumaat lalu.

Mohamad Faisal Nazreen berkata, dia menuntut di IIC dalam bidang perniagaan dan keusahawanan iaitu program berkembar dengan Federation University di Australia selama tiga tahun.

“Seramai 1,500 graduan menghadiri konvokesyen berkenaan dan daripada jumlah itu, seramai 190 daripadanya terbaik dalam akademik dan dari situ, saya dipilih pihak universiti untuk membawa cokmar.

FAISAL UKIR SEJARAH

■ Penuntut IIC diberi kepercayaan bawa cokmar sempena konvokesyen Federation University di Victoria, Melbourne

“Kebiasaannya, graduan yang diamanahkan membawa cokmar dipilih dalam kalangan penuntut Australia dan sangat jarang sekali graduan dari luar negara diberi tanggungjawab itu,” katanya kepada Harian Metro, semalam.

Dia yang tinggal di Taman Melawati mengakui terkejut apabila diberitahu supaya membawa cokmar mengiringi perarakan masuk cancellor dan rektor serta perarakan keluar pada majlis penutup konvokesyen.

“Bagi mengelakkan sebarang kesilapan, saya turut menjalani latihan serta dimaklumkan mengenai pergerakan dan atur cara yang perlu dipatuhi.

“Saya bangga kerana kepercayaan diberikan oleh pihak universiti di Australia,

sekali gus menunjukkan sistem pendidikan Malaysia setaraf dan setanding mereka, malah lebih lagi,” katanya.

Sementara itu, Mohamad Faisal Nazreen berkata, pada majlis konvokesyen berkenaan, seramai 300 graduan Malaysia turut menerima ijazah

masing-masing.

“Saya ke Australia seorang diri bagi menghadiri konvokesyen manakala ibu bapa tidak dapat hadir untuk melihat saya naik ke pentas.

“Biarpun agak sedih namun hati terubat juga apabila dapat bersama rakan lain yang menghadiri konvokesyen itu,” katanya.

“Saya bangga kerana kepercayaan diberikan oleh pihak universiti di Australia sekali gus menunjukkan sistem pendidikan Malaysia setaraf dan setanding mereka, malah lebih lagi”

Mohamad Faisal

■ Kak bank jadi in Taraw

Muh razi

Kota Bharu

B eliau untu di se di kampung Tumpat keti tahun.

Ketika itu menghafal l termasuk su mengimami rata-rata jer dan datukny

Kini, pada Masjid Mukl Muhamad A memimpin dalam solat, mengimami di luar nega

Pada Ram dari pac dijen sol P

